

Pas ikut taktik al-Arqam dapatkan pengaruh: PM

3 AUG 2002

Oleh Mokhtar Alias

BANDAR BARU NILAI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kaedah Pas untuk mendapat pengaruh dengan memupuk rasa taksub di kalangan pengikutnya terhadap parti itu, menyamai taktik pertubuhan al-Arqam.

Perdana Menteri berkata, bagi mencari pengaruh, Pas atau al-Arqam sanggup menggunakan apa cara sekalipun, termasuk perbuatan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam sebenar.

"Ajaran Pas berbeza daripada Arqam tapi teknikannya sama iaitu supaya orang dia begitu taksub kepada dia (Pas) hingga kalau dia buat yang salah sekalipun dia (pengikut) terima," katanya.

"Itulah sebabnya orang Pas menerima perbuatan seorang ahlinya yang menyelak kain ketika pilihan raya kecil Pengang dan Anak Bukit baru-baru ini. Kalau orang Islam tengok seseorang berkelakuan begitu, dia akan tolak.

"Tapi orang Pas terima orang selak kain, walaupun pada masa yang sama dia suruh orang bertudung," katanya kepada pemberita selepas merasmikan upacara pecah tanah Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim), di sini hari ini.

Kuim adalah universiti awam ke-12 yang ditubuhkan oleh kerajaan. Ia mempunyai matlamat menjana dan mengintegrasikan pendidikan Islam ke dalam arus perdana pembangunan pendidikan kebangsaan.

Dr Mahathir menegaskan, gejala itu tidak boleh

dibiarkan berlarutan kerana apabila sampai ke satu peringkat di mana golongan itu betul-betul taksub, adalah sukar untuk memujuk mereka supaya kembali kepada ajaran Islam sebenar.

"Jika mereka mahu sokong Pas, itu tidak mengapa. Tetapi mereka mesti menolak perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam," katanya ketika ditanya mengenai peranan masyarakat untuk menolak ajaran sesat.

Menjadikan al-Arqam sebagai contoh, beliau berkata walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk mengembalikan bekas pengikutnya ke jalan benar, masih ada yang fanatik dengan pertubuhan dan pemimpin mereka, Asaari Muhamad.

Selain itu, ada juga ajaran sesat lain yang juga berpunca daripada sikap taksub dan menyeleweng daripada ajaran agama.

"Ada ajaran sesat yang suruh pengikut masuk dalam kelambu dia. Bini orang masuk dalam kelambu dia konon kebahagiaan daripada ajaran Islam. Bila sudah percaya dia buat, orang ini tidak boleh dilayan (dan) diberi kepercayaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, umat Islam di negara ini kini seolah-olah terdedah kepada satu bentuk kempen untuk mengelirukan mereka supaya menukar tanggapan terhadap Islam dan Tuhan.

"Selama ini kita sembah Tuhan yang Maha Pengasih, Penyanggung lagi Maha Pengampun, tetapi sekarang kita diberitahu bahawa Tuhan yang kita sem-

bah ini 'maha samseng dan penipu'. Ini menghina Tuhan.

"Kalau saya kata anda penipu, adakah ini bermakna saya muliakan anda. Tapi ajaran ini sudah berkembang. Bermakna ramai orang Islam keliru apa agama Islam yang sebenar, disebabkan kepentingan politik," katanya.

Beliau amat berharap ajaran Islam sebenar dapat dibawa kepada penuntut Kuim dan pensyarah politik tidak dibawa masuk ke universiti itu untuk merosak akidah pelajarinya.

Terdahulu dalam ucapannya pada majlis itu, Dr Mahathir berkata Kuim adalah satu lagi usaha kerajaan untuk menyediakan pengetahuan mengenai agama Islam kepada pelajar tanpa mengira agama.

Beliau berkata ia adalah siri lanjutan kepada usaha kerajaan yang menubuhkan pelbagai institusi untuk memberi kefahaman mengenai Islam kepada penduduk negara ini, bermula dari peringkat sekolah hingga ke peringkat universiti.

Dr Mahathir berkata Kuim ditubuhkan untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan demi kepentingan umat Islam.

"Janganlah dikhianati usaha murni kita ini dengan membawa unsur yang memesongkan pelajar. Islam membawa perkara yang benar dan yang baik semata-mata. Tidak ada ajaran Islam yang menyuruh kita berbuat sesuatu yang tidak baik," katanya.